



MAJLIS DAERAH PONTIAN

1. (a) **SKIM PERKHIDMATAN** : **PENOLONG JURUUKUR BAHAN**
(b) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : **PELAKSANA**
(c) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : **KEJURUTERAAN**
(d) **GRED** : **JA29**

2. **JADUAL GAJI** :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00

3. **SYARAT LANTIKAN**

3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
- (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,549.00); atau

- (ii) Diploma dalam bidang ukur bahan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29: RM1,935.02).

- | | | |
|---|-------------|---|
| 4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU | 4.1 | Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. |
| 5. PENETAPAN GAJI PERMULAAN | 5.1 | Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan. |
| 6. TEMPOH PERCUBAAN | 6.1 | Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun. |
| 7. LATIHAN | 7.1 | Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan. |
| 8. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/ PEPERIKSAAN | 8.1 | Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan. |
| 9. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN | 9.1 | <p>Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:</p> <ul style="list-style-type: none">(a) memenuhi tempoh percubaan;(b) hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan; dan(c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan. |
| 10. PERGERAKAN GAJI TAHUNAN | 10.1 | Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan. |
| 11. TARAF JAWATAN | 11.1 | KONTRAK |

CARA-CARA PERMOHONAN

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati secara **percuma** di **Majlis Daerah Pontian** atau boleh dimuat turun di laman web: <http://www.mdpontian.gov.my>.
2. **Borang permohonan hendaklah ditampal dengan sekeping gambar berukuran passport** serta disertakan dokumen-dokumen berikut yang telah diakui sah:-
 - 1.1 Salinan kad pengenalan
 - 1.2 Salinan sijil kelahiran
 - 1.3 Salinan sijil-sijil persekolahan
 - 1.4 Salinan kelulusan akademik
 - 1.5 Salinan transkrip keputusan peperiksaan
 - 1.6 Lain-lain dokumen sokongan
3. Borang permohonan jawatan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**Yang Dipertua
Majlis Daerah Pontian
Jalan Alsagoff
82000 Pontian**

TARIKH TUTUP PERMOHONAN :

4. Permohonan dari **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun **hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing** mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;
5. **Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;**
6. Bagi kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil perlu melampirkan pengiktirafan kelayakan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui laman web interaktif <http://www.interactive.jpa.gov.my/WebInteraktif/frmsenaraipengiktirafanbaru.asp> bersama borang permohonan.
7. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. **Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.**

t.t

**NOR SYAZLAN BIN ABD RAZAK
Yang Dipertua
Majlis Daerah Pontian
Jalan Alsagoff
82000 Pontian**

